

TEKS UCAPAN
BRIG JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN MINGGU KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN DAN MAJLIS PENYERAHAN SIJIL
PENGIKTIRAFAN ISO MS 1722:2005/OHSAS 18001:2007
DI DEWAN KEIKHLASAN PADA 18 JANUARI 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia, Tan sri Datuk Lee Lam Thye, Pengerusi
Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Niosh),

Yang Berbahagia, Ir Haji Rosli Hussin, Pengarah Eksekutif
NIOSH,

Yang Berbahagia, En. Iskandar Syahril Ibrahim Sukri,
Pengurus Besar NCSB,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-Wakil Media yang dikasihi,

Warga kerja Universiti Malaysia Perlis seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Satu Malaysia.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua untuk bersama-sama pada hari ini dalam Majlis **Perasmian Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan ISO MS 1722:2005 OHSAS 18001:2007**. Semoga majlis kita pada hari ini diberkati dan dirahmati oleh Nya.

Saya berasa amat bersyukur dengan rahmat serta izin Nya pada hari ini saya dikurniaan nikmat kesihatan yang baik untuk terus melaksanakan tugas saya seperti biasa. Saya ingin menyarankan semua warga UniMAP agar lebih mengambil berat mengenai aspek kesihatan dan keselamatan dalam menjalankan tugas seharian kerana ia penting untuk memastikan hasil kerja yang berkualiti dan bermutu. Tanpa nikmat kesihatan yang baik dan aspek keselamatan yang terjamin, sesuatu kerja akan gagal dilaksanakan. Dan ianya perlu dipraktikkan sepanjang masa, bukan sahaja di dalam minggu keselamatan dan kesihatan pekerja ini sahaja.

Ladies and Gentlemen,

As we know safety **refers to** the the condition of being protected against **any form of** physical, social, spiritual, financial, political, emotional, occupational, psychological, **and** educational consequences of failure, damage, error, accidents, **or** harm. **In short, safety means being shielded from any form of** event which could be considered non-desirable. This can take the form of being protected from **any harmful events** or from exposure to something that causes health or economical loss.

So safety **at** the workplace **is vital** because companies that employ workers have an interest in keeping the workplace safe **and secured**. Job-related injuries are **important and is an issue** that responsible employers take seriously. They take the time and use company resources to **ensure that their employees** who come to work each day are **safeguarded from any form of occupational hazard**.

Conversely, health is the general condition of a person in all aspects. It also **refers to the** level of functional or metabolic efficiency of an organism, often implicitly human. So, as a worker we want to **be able to** work in good health **conditions**. Our health **means a lot to us**. Whether you are a toddler, a child, a teenage or an adult, **having** good health enables you to perform the daily functions of life **efficiently and effectively**. For us, good health is important because **it means** you can go to work everyday, earn **an honest** living **and** able to achieve your

goals in life. Good health also **allows** you to enjoy life **to its fullest**.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) telah diwujudkan di UniMAP bertujuan untuk memenuhi keperluan akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan 1994 dan memastikan keselamatan dan kesihatan para pelajar serta kakitangan dalam keadaan terkawal. Pembangunan sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mengambil pendekatan untuk meyakinkan pekerja dan pelajar UniMAP, bahawa mereka berada di dalam suasana yang kondusif.

Di samping itu, ianya dapat membuktikan kepada kontraktor dan semua pelanggan bahawa organisasi itu mampu melaksanakan kerja mereka dalam keadaan selamat sepenuhnya.

Seperti semua sedia maklum, sebagai sebuah universiti yang berteraskan bidang kejuruteraan sudah pasti aspek keselamatan adalah yang paling utama kerana kita sering terdedah kepada sebarang bentuk kemalangan semasa mengendalikan mesin atau peralatan.

Justeru itu, UniMAP telah menubuhkan UKKP sebagai urusetia keselamatan dan kesihatan pada tahun 2004, dalam usaha membudayakan keselamatan dan kesihatan, UniMAP berusaha mewujudkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan mengikut Malaysian Standard (MS).

Hadirin sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang unik kerana keadaan kampusnya yang teragih di seluruh pelusuk Perlis ia merupakan satu cabaran buat UniMAP dalam menghasilkan sistem pengurusan KKP yang lebih berkesan. Namun UniMAP menyahut cabaran itu untuk membangunkan dan menjalankan sistem tersebut mengikut kesesuaian sebagai kampus teragih.

Pada tahun 2006 kita berjaya memperolehi pengiktirafan daripada Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menerusi anugerah keselamatan dan kesihatan pekerjaan peringkat kebangsaan 2006 di dalam kategori agensi kerajaan, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Rentetan daripada penerimaan anugerah tersebut UniMAP menjadi lebih komited dalam melaksanakan budaya keselamatan dan kesihatan di kalangan warganya. Pada tahun 2008, dalam plan strategik, UniMAP mula membuat

perancangan untuk menjadikan makmal/bengkel pengajaran dan pembelajaran agar lebih selamat serta kondusif untuk keselesaan para pelajar dan kakitangnya.

Dua buah makmal telah terpilih bagi program perintis bagi pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi tujuan persijilan. Dua buah makmal tersebut adalah Teaching Factory PPK Pembuatan dan Cleanroom PPK Mikroelektronik.

Proses bermula pada Januari 2009, dengan pemurniaan dokumen-dokumen keperluan yang berkaitan bagi menepati kehendak sebenar Malaysian Standard. Pada Mei 2009 sistem pengurusan ini mula digunapakai di kedua-dua makmal tersebut dan dipantau oleh UKKP.

Pada November tahun lalu telah berlangsung proses audit persijilan yang telah diadakan oleh badan persijilan yang dilantik iaitu NIOSH CERTIFICATION SDN BHD. Daripada hasil audit tersebut sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan UniMAP yang telah dibangunkan telah diiktiraf mengikut standard Malaysia MS 1722:2005 dan OHSAS 18001 :2007.

Pengiktirafan ini amat bermakna buat semua warga UniMAP. Sebagai Naib Canselor sudah pasti saya amat berbangga dan ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada semua yang

terlibat seperti PPPK Mikroelektronik, PPK Pembuatan dan pusat kejuruteraan serta Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Syabas saya ucapkan.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Saya percaya usaha ini tidak akan berhenti setakat ini sahaja kerana kita merancang untuk meluaskan system ini ke seluruh kampus UniMAP terutamanya di Kampus Alam secara berperingkat.

Selain itu, saya juga difahamkan bahawa Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menghasilkan penerbitan ilmiah seperti buku panduan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di makmal – makmal dan buku panduan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di sektor perniagaan kecil. Unit ini juga dalam proses menghasilkan buku panduan berkaitan pasukan bantuan kesukarelawan dalam bantuan bencana,

Unit ini juga turut mengadakan kajian mengenai pematuhan akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di kalangan peniaga-peniaga kecil di Perlis dan kajian mengenai kesiapsiagaan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memberi bantuan semasa bencana.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya berharap dengan terhasilnya buku-buku panduan dan kajian ini akan lebih membantu UniMAP dalam memantapkan aspek keselamatan dan kesihatan secara tidak langsung dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat.

Akhir sekali, saya menyeru kepada semua warga UniMAP untuk sama-sama melaksanakan tugas dengan sebaiknya dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan di UniMAP sentiasa terjamin agar warga UniMAP sentiasa bekerja dalam keadaan yang selesa bertepatan dengan tema KKP pada tahun ini iaitu “**Kerja Selamat Adalah Budaya Kami**”.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.